

# Tiada jalan pintas terokai dunia pengarang



(Dari kiri) Dr Nik Rafidah, Zulkifli, SM Zakir dan Ariff Mohamad pada Majlis Bicara Karya, Alumni Minggu Penulis Remaja di Menara DBP.

[ FOTO SYAHARIM ABIDIN / BH ]

Tiada jalan pintas untuk berjaya dalam dunia kepengarangan melainkan tekal berkarya dan rajin membaca karya bermutu bukan saja dari segi penceritaan, tetapi juga pemilihan kata-kata yang berkesan.

Pandangan itu diluahkan Pensyarah Sastera, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Ariff Mohamad, ketika berkongsi *Memilih Kata Sebelum Menyampaikan Makna; Membicarakan Sajak dan Cerpun Antologi Kalam Pertama*.

*Kalam Pertama* adalah antologi cerpen dan puisi mantan peserta Minggu Penulis Remaja (MPR) 2011 terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) mempunyai banyak kelemahan kerana ia karya peringkat awal peserta, tetapi tetap ada kekuatannya.

"Pemilihan kata yang tepat adalah perkara utama dalam penghasilan karya. Daripada kata kita memahami maksud, isi, emosi dan pengetahuan yang cuba disampaikan," katanya pada Bicara Karya Alumni MPR di Sanggar Tun Sri Lanang DBP, Kuala Lumpur, baru-baru ini.

## Pemilihan kata

Ariff memuji beberapa karya dalam antologi terbabit yang disifatkannya mempunyai kekuatan dalam pemilihan kata seperti pada sajak, *Meratah Cinta Tun Teja* yang membawa perasaan duka srikandi Melayu, Tun Teja.

"Pemilihan kata yang ber-

kesan menyebabkan sajak ini lancar, namun perkataan 'meratah' mempunyai konotasi kurang sopan dalam perlakuan, sekali gus menyangkal keluhuran isi yang cuba disampaikan pengarangnya," ujarnya.

Ariff memilih *Menjunjung Kasihmu* sebagai antara sajak paling menarik dalam *Kalam Pertama* kerana beliau mengesan makna yang jujur dan lunak dalam pengungkapan kata-katanya serta sangat bersesuaian dengan isi yang mengangkat kepemimpinan ulung Rasulullah SAW.

"Walaupun penulisnya memilih kata-kata biasa, tetapi cukup bermakna untuk menyedapkan sajak; *Muhamad/ meniti di bibir umat/ terlorong hayat nan syumul/ menyalurkan cinta nan suci dan abadi/ meski tiada tampangmu di sini/ namun kau tetap di sanubari/ merupakan pengakhiran sajak yang terarah dan berkesan,*" katanya.

Bagaimanapun, Ariff turut mengesan beberapa sajak yang kabur dalam antologi terbabit kerana pemilihan kata-kata yang berterabur dan jauh menyimpang maksudnya hingga pembaca tertanya-tanya mengapa perkataan itu dipilih.

"Cerpun dalam antologi ini lebih baik daripada puisi seperti dapat dikesan dalam *Aku Melayu*. Ada ungkapan yang menggambarkan kehebatan orang Melayu. Begitu juga cerpen lain seperti



*Hatiku Menangis di Madrasah dan Hangat Debu Dosa.*

“Sungguhpun demikian, ada juga cerpen yang wajar diperbaiki disebabkan pemilihan kata yang klise dan tidak tepat. Apa yang cuba disampaikan pengarang apabila membandingkan tikar sembahyang lusuh dengan diri? Begitu juga dengan pemilihan kata merebahkan punggung,” katanya.

Penerima Anugerah Penulisan Asia Tenggara (SEA Write) 2011, Syed Mohd Zakir Syed Othman atau SM Zakir, senada dengan Ariff ketika mengulas antologi cerpen dan puisi MPR mantan MPR 2010, *Siti Nurmalaysia*.

“Secara keseluruhannya naskah ini bukanlah karya matang

dan menggali hingga jauh ke dasar tema nasionalisme seperti ditetapkan pembimbing MPR 2010. Pemahaman nasionalisme pengarang masih berlingkar pada isu biasa seputar nasionalisme.

“Nasionalisme mempunyai makna yang luas, tetapi jika melihat kedudukan *Siti Nurmalaysia* sebagai permulaan karya bagi sebahagian besar mantan MPR 2010, maka ia boleh diangkat sebagai naskah yang baik,” katanya ketika merincikan *Patriotisme dalam Puisi dan Cerpen; Siti Nurmalaysia*.

#### **Bukan sekadar bunyi**

Bagaimanapun, SM Zakir menegur sikap sebahagian pengarang

puisi dalam antologi berkenaan yang lebih berminat dengan bunyi-bunyian dalam penyusunan bait puisi sehingga tiada pernyataan yang kuat, selain mengabaikan penghayatan dan pemikiran yang jelas.

“Sungguhpun demikian saya tertarik dengan puisi karya Tai Mun Kit yang menampilkannya penulisnya memiliki kekuatan bahasa. Cerpen pula, saya memilih *Siti Nurmalaysia* karya Shamsul Amin Yusof.

“Cerpen ini sarat perlambangan dan membawa konotasi luar biasa. Ia bukan sekadar kisah anak yang malu beribukan perempuan bernama, Siti Nurmalaysia, tetapi kisah pembentukan Malaysia sebagai negara yang dikisahkan dengan tarikh lahir emaknya, 16 September dan tarikh lahir ayahnya, Ahmad Merdeka pada 31 Ogos,” katanya.